

09/09/1997

Anwar dijangka umum langkah penyesuaian

Wan Sabariah Shikh Ali

DATUK Seri Anwar Ibrahim dijangka mengumumkan beberapa lagi langkah penyesuaian penting untuk membantu memperkukuh kedudukan semasa ekonomi negara termasuk mempermudah syarat pembelian balik saham, ketika melancarkan bon penanda aras Islam Khazanah Nasional Bhd (Khazanah), Rabu ini.

Bon penanda aras menggunakan prinsip al-Murabahah berjumlah RM3 bilion ialah terbitan pertama daripada perancangan terbitan bon Khazanah berjumlah RM30 bilion. Jumlah itu adalah untuk memenuhi keperluan dana bernilai RM60 bilion yang diumumkan oleh kerajaan untuk membantu mempertahankan pasaran saham.

Kerajaan membayangkan beberapa langkah baru yang dianggap boleh melegakan lagi pasaran yang mengalami krisis keyakinan yang teruk dua minggu lalu, sedang diteliti dan akan diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri pada hari berkenaan.

Perubahan pendekatan kerajaan untuk memastikan kekukuhan yang mula dirasakan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) berterusan seterusnya memperbaiki prestasi ringgit, dianggap berpunca daripada gambaran sebenar yang diperolehi hasil perbincangan terbuka dengan beberapa tokoh korporat tempatan dan lebih 12 pengurus dana asing lewat minggu lalu.

Mungkin tidak ramai yang menyedari ketika perhimpunan agung tahunan parti terbesar di Malaysia sedang berlangsung dari Khamis hingga Ahad lalu, perkembangan penting yang memberi kesan langsung kepada ekonomi negara turut berlaku.

Beberapa pertemuan penting, termasuk di antara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Anwar dengan kumpulan tokoh perniagaan tempatan dan pengurusan asing yang dianggap sebagai pelabur tulen, berlangsung beberapa kali.

Kesan nyata daripada perbincangan itu, kata sumber-sumber, ialah peserta pasaran memperoleh gambaran lebih jelas terutama berhubung tujuan sebenar kerajaan menguatkuasakan peraturan `sekuriti bertanda' yang dimansuhkan selepas seminggu manakala kerajaan lebih peka terhadap perkembangan dalam pasaran.

Pertemuan di antara Penasihat Ekonomi, Tun Daim Zainuddin dengan pengurus dana asing pada hari Jumaat pula dianggap pemerhati pasaran sebagai bertanggungjawab secara langsung memulihkan semangat pasaran saham yang amat memerlukan petunjuk pada masa itu.

Semalam, Daim mengadakan satu lagi pertemuan dengan pengurus dana asing di Kuala Lumpur. Dipercayai pertemuan ini membabitkan kumpulan perunding pengurusan dana luar negara yang berlainan daripada pertemuan minggu lalu.

Ketika berucap menggulung perbincangan pada penutup perhimpunan agung Umno kelmarin, Anwar membayangkan peruntukan baru mengikut Seksyen 67A Akta Syarikat 1965 akan diubah suai supaya tidak menyulitkan syarikat yang berhasrat berbuat demikian.

Peruntukan itu yang baru saja diwartakan pada 1 September lalu, membenarkan syarikat awam membeli balik saham mereka dan memberikan bantuan kewangan kepada pihak lain untuk membeli ekuiti syarikat mereka.

(END)